

Pengurusan Agihan Zakat Asnaf *Mu'allaf* di Majlis Agama Islam Negeri Johor
The Zakat Distribution Management of *Majlis Agama Islam Negeri Johor* for the *Mu'allaf* Asnaf

ANUAR PUTEH
RASHIDI ABBAS
ABD. GHAFAR DON
ZILAL SAARI
MUHAMMAD SYAFIEE ELIAS

ABSTRAK

Makalah berbentuk kajian deskriptif ini bertujuan untuk meneliti pengurusan agihan zakat asnaf mu'allaf di Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Instrumen kajian yang digunakan ialah kajian dokumen dan soal selidik. Sampel kajian seramai 30 orang yang terdiri daripada kalangan saudara baru terlibat dalam kajian ini dan lokasi kajian ialah di negeri Johor Darul Takzim. Terdapat dua konstruk yang dikaji, iaitu persepsi saudara baru terhadap pengurusan agihan zakat dan kesan-kesan agihan zakat kepada saudara baru. Dapatan kajian ini menunjukkan responden agak berpuas hati dengan sistem agihan zakat di MAINJ. Secara holistik, kajian ini merumuskan bahawa agihan zakat untuk asnaf mu'allaf adalah amat penting untuk dilaksanakan dan diuruskan dengan baik demi kesejahteraan para mu'allaf, khususnya dalam hal-ehwal pengurusan agihan zakat golongan ini di MAINJ.

Kata kunci: Zakat; asnaf zakat; mu'allaf; Majlis Agama Islam Negeri Johor; Islam di Johor

ABSTRACT

This descriptive study aims to examine the management of zakat recipients mu'allaf in Johor Religious Council (JRC or MAINJ). The instruments used are document's analysis and questionnaires. The sample consisted of 30 people among the new converts participated in this study and the study area is in the state of Johor. There are two constructs in this study: the perception of a new converts on the management of zakat distribution and the effects of the distribution of zakat to the new converts. The results discovered that the respondents are quite satisfied with the system of zakat distribution in JRC. Holistically, the study concluded that zakat distribution to new converts is very important to be implemented and managed properly for the welfare of the mu'allaf, especially in the affairs of the management of zakat distribution in JRC.

Keywords: Zakat; zakat recipient; new converts; Johor Religious Council; Islam in Johor

PENGENALAN

Islam ialah agama yang bersifat tolong-menolong dan bantu membantu selain bersifat saling melindungi. Bagi melestarikan tujuan kehidupan manusia di muka bumi ini, maka Islam telah mensyariatkan Rukun Islam yang menjadi asas kepada seluruh umatnya. Kelima-lima rukun itu mencakupi semua aspek muamalah dalam kehidupan iaitu memelihara hubungan dengan Allah dan hubungan dengan sesama manusia. Zakat adalah rukun yang ketiga dalam susunan Rukun Islam. Kewajipan berzakat yang telah difardukan kepada umat Islam adalah bertujuan untuk mengukuhkan dan menjalin hubungan yang baik sesama masyarakat. Zakat jika diteliti dari aspek ekonomi, akan meninggalkan kesan kepada asnaf yang menerima zakat tersebut. Justeru itu, Islam

mewajibkan kepada sesiapa yang cukup syaratnya untuk mengeluarkan hartanya kepada golongan asnaf yang telah disebutkan dalam al-Qur'an. Ia juga mampu memperkasakan ekonomi umat Islam selain membersihkan harta yang dimiliki agar ia tidak menjadi persoalan di hari akhirat kelak (Hassan & Azura 2014). Harta yang dikurniakan Allah SWT itu, pada hakikatnya tidak menjadi hak mutlak kepada kita keseluruhannya kerana terdapat hak atau bahagian orang lain yang perlu dikongsi bersama melalui platform zakat.

Pelaksanaan zakat seringkali dikaitkan dengan golongan yang baru memeluk Islam, iaitu *mu'allaf* (saudara baru). Golongan *mu'allaf* merupakan satu daripada asnaf zakat, iaitu golongan yang layak menerima zakat. Pensyariatan pengagihan zakat untuk golongan *mu'allaf* ini adalah untuk mempamerkan keindahan Islam, di samping